



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

**MAJLIS PERSEMBAHAN DIKIR SYARAFIL ANAM SEMPENA
SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM BAGI
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI SERTA JABATAN-JABATAN DI
DALAMNYA TAHUN 1446H/2024M**

Hari Khamis, 08 Rabiulawal 1446H bersamaan 12 September 2024M

Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya telah mengadakan Majlis Persembahan Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah pada hari Khamis, 08 Rabiulawal 1446H bersamaan 12 September 2024M bertempat di Masjid Universiti Brunei Darussalam.

Hadir selaku Tetamu Kehormat di Majlis Persembahan Dikir Syarafil Anam ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi). Turut hadir ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal I), Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai dan kakitangan lelaki Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya.

Persembahan Dikir Syarafil Anam adalah untuk menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di samping bagi mengenang jasa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam memperjuangkan syiar Islam sekali gus menyuntik rasa kecintaan kepada Junjungan Besar, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah diselenggarakan oleh Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

Emel: pr@mofe.gov.bn

Rujukan: KKW/ADM/28 Pt.4
Tarikh: 08 Rabiulawal 1446H
12 September 2024M